

09 MAY 2003

Syed Hamid-Sekatan (Bergambar)

JANGAN HALALKAN PENCEROBOHAN AS KE ATAS IRAQ - SYED HAMID

PUTRAJAYA, 9 Mei (Bernama) -- Sebarang resolusi atau usul yang bakal dikemukakan kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) berkaitan penarikan balik sekatan ke atas Iraq, tidak harus menghalalkan pencerobohan Amerika Syarikat dan sekutunya terhadap negara Teluk itu.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata Malaysia mahu usul yang akan dikemukakan itu mewakili kepentingan rakyat Iraq, yang membolehkan penguasaan kekayaan minyak dan sumber lain negara itu berada di tangan mereka sendiri.

Ditanya pemberita mengenai keputusan Washington semalam menarik balik sekatan ekonomi ke atas Iraq dan mendesak negara lain mengikut langkahnya itu, beliau berkata Malaysia perlu melihat dahulu kandungan sebenar usul yang akan dikemukakan kepada PBB nanti.

"Soal paling penting sekali ialah kita tidak mahu lihat bahawa dengan adanya usul untuk hapuskan sekatan ini, ia seolah-olah menghalalkan tindakan unilateral yang telah dibuat.

"Kalau kita mengetahui usul itu dan ia digunakan untuk kepentingan rakyat Iraq dan rakyat Iraq menguasai segala sumbernya, maka ini sesuatu yang patut kita terima," katanya di sini, hari ini.

Terdahulu, Syed Hamid melancarkan buku "A Diplomat Arrives in Washington" karya Dr Fauziah Mohamad Taib yang mengisahkan pengalaman beliau semasa bertugas sebagai timbalan ketua misi di Kedutaan Malaysia di Amerika Syarikat dari 1998 hingga 2003.

Dr Fauziah kini Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Fiji.

Syed Hamid berkata Malaysia sentiasa menentang sekatan yang berlanjutan lebih 12 tahun itu di Iraq kerana banyak membawa kesengsaraan dan kesusahan terhadap rakyatnya.

PBB mengenakan sekatan itu selepas Iraq mencerobohi Kuwait pada Ogos 1990 dan Iraq dilaporkan mendakwa sekatan itu menyebabkan 1.5 juta rakyatnya terutama kanak-kanak meninggal dunia.

Presiden George W. Bush berkata Amerika Syarikat, Britain dan Sepanyol iaitu tiga sekutu utama yang mencerobohi Baghdad dan menggulingkan kerajaan Saddam Hussein akan memperkenalkan satu resolusi baru di Majlis Keselamatan PBB dalam usaha menarik balik sekatan ekonomi itu.

Syed Hamid berkata pada masa lepas, negara-negara itu yang membantah keras penghapusan sekatan ke atas Iraq.

"Jadi, kalau benda ini (usul atau resolusi tarik balik sekatan) bukan sesuatu perkara yang boleh dikaitkan terhadap pencerobohan yang telah berlaku dan ia semata-mata untuk kepentingan Iraq, pihak pemeriksaan senjata dapat memberikan pengesahan bahawa tidak ada senjata pemusnah dan ia di bawah PBB dan proses multilateral ...itu tidak mempunyai masalah.

"Oleh itu, saya rasa Malaysia, dari segi prinsip, menyokong penarikan balik sekatan ini tetapi dalam konteks apa yang berlaku sekarang, saya rasa penting bagi kita untuk melihat apa sebenarnya yang perlu dilakukan," katanya.

Syed Hamid berkata selain itu, pengesahan penghapusan senjata pemusnah Iraq yang merupakan syarat utama penghapusan sekatan perlu dilakukan oleh pemeriksa senjata PBB.

Mengenai perkembangan lain, Syed Hamid berkata jemputan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menghadiri mesyuarat Kumpulan Lapan (G8) negara-negara maju di Paris awal bulan depan akan membolehkan beliau menyuarakan pandangan Malaysia serta negara-negara membangun

mengenai pelbagai isu.

Syed Hamid berkata Dr Mahathir dijemput menghadiri mesyuarat itu kerana beliau adalah seorang pemimpin yang dihormati dan disegani di dalam negara serta di peringkat antarabangsa.

-- BERNAMA

RV RV NAK